



Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 (12)

Tarikh : 21 Ogos 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN
BIL. 12 TAHUN 2020 : KEMUDAHAN PERBELANJAAN PERUBATAN UNTUK PEGAWAI
DAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PK 7.17 – Kemudahan Perbelanjaan Perubatan Untuk Pegawai dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 dan digunapakai berkuatkuasa 30 Oktober 2019.

3. Sehubungan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah dipohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PK 7.17 tersebut. Bersama-sama ini disertakan gambar rajah kemudahan perbelanjaan perubatan (seperti di **Lampiran A**) untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai di Unit Pengurusan Dana di talian 06-768 6896 / 6895 / 6838.

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,


(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

Lampiran A

KEMUDAHAN PERBELANJAAN PERUBATAN UNTUK PEGAWAI DAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN



KEMUDAHAN PERBELANJAAN PERUBATAN UNTUK PEGAWAI DAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

LAIN-LAIN MAKLUMAT TAMBAHAN :

1. Perolehan secara pembelian terus.
2. Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi
3. Dikecualikan daripada perundingan harga.
4. Dikecualikan daripada kajian pasaran.
5. Pesanan Kerajaan sebelum perolehan atau selewat-lewatnya 1 minggu selepas perkhidmatan / bekalan diterima.